



Headline: Rugi RM347,800 kena perdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 17 September 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 68

# Rugi RM347,800 kena perdaya Macau Scam

**Kuala Selangor:** Panik selepas didakwa memiliki tunggakan hutang kad kredit, seorang ahli perniagaan kerugian RM347,800 apabila diperdayakan sindiket penipuan Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Md Asri A Wahab, berkata kejadian berlaku selepas mangsa berusia 63 tahun itu dihubungi seorang individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai mahkamah, 21 Ogos lalu, mendakwa mangsa mempunyai tunggakan hutang kad kredit berjumlah RM16,000.

Beliau menjelaskan mangsa pada mulanya menafikan perkara itu, namun suspek memberitahu kemungkinan maklumat peribadinya disalahgunakan oleh pihak lain, termasuk bagi aktiviti pengubahan wang haram.

"Bimbang dengan perkara itu, mangsa mengikut arahan suspek supaya laporan dibuat secara atas talian. Panggilan itu kemu-



**Mangsa hanya disedari ditipu selepas membuat semakan akaun bank dan mendapati wang dalam akaun Bank Rakyat miliknya berkurangan.**

**Md Asri A Wahab,**  
Ketua Polis Daerah  
Kuala Selangor

dian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dan mangsa bercakap dengan 'pegawai polis' bernama Leong.

"Hasil perbualan dengan 'pegawai polis' itu, mangsa didakwa terbabit dalam kes pengubahan wang haram dan diminta memberikan maklumat akaun untuk tujuan siasatan. Kerana panik, mangsa menurutinya sahaja arahan itu dengan memberikan maklumat akaun Maybank dan Bank Rakyat miliknya," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Katanya, mangsa hanya disedari ditipu selepas membuat semakan akaun bank dan mendapati wang dalam akaun Bank Rakyat miliknya berkurangan RM254,800, manakala akaun Maybank berkurangan RM93,000 pada 6 September lalu.

Berikutan itu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan penipuan.